

Hubungan Faktor Persekitaran Terhadap Penghayatan Nilai Akhlak Dalam Kalangan Pelatih *On Job Training* Di *Aircraft Maintenance Experience Centre (Amec-Mata)*, Johor Bharu
The Relationship of Environmental Factors to The Appreciation of Moral Values Among Trainees on Job Training at Aircraft Maintenance Experience Centre (AMEC-MATA), Johor Bharu.

Annasaii Jamar¹, Norhisham bin Muhamad², Mohamad Marzuqi Abdul Rahim², Mohd Aderi Che Noh², Mohd izzuddin Mohd Pisol¹, Julia Madzalan¹, Mohammad Syakir Sulaiman¹

Submitted: 14-Oct-2020
Accepted: 10-Jun-2021
Revised: 26-Jun-2021
Published: 28-Jun-2021

¹Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author's email: annasaii@kuis.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan persekitaran terhadap penghayatan nilai akhlak dalam kalangan pelajar. Kajian ini memfokuskan kepada empat hubungan persekitaran iaitu pensyarah, ibu bapa, rakan sebaya, dan media massa terhadap tahap penghayatan nilai akhlak dalam kalangan pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 169 orang responden yang dipilih secara rawak daripada mahasiswa tahun empat di sebuah *Aircraft Maintenance Experience Centre*. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan satu set soal selidik yang bagi mengumpul data kajian. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS* statistik versi 20.0. Dapatan kajian analisis korelasi menunjukkan hubungan faktor rakan sebaya $r=0.57$ mempunyai hubungan yang paling kuat terhadap penghayatan nilai akhlak Islam dan diikuti oleh hubungan media massa $r = 0.49$, hubungan pensyarah $r=0.35$ dan hubungan ibu bapa $r=0.23$. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan akhlak dipengaruhi oleh faktor persekitaran pelajar yang positif. Ini kerana penghayatan nilai yang diterapkan akan membentuk amalan seharian individu sekaligus menjadi benteng dalam masalah keruntuhan akhlak.

Kata kunci: Hubungan, faktor pensyarah, faktor ibu bapa, faktor rakan sebaya, faktor media massa, penghayatan nilai Islam.

Abstract

This study aims to identify the environmental relationships on the appreciation of moral values among students. This study focuses on four environmental links namely lecturers, parents, peers, and mass media on the level of appreciation of moral values among students. The sample of the study consisted of 169 randomly selected respondents from fourth year students at an Aircraft Maintenance Experience Center. This survey study uses a set of questionnaires that to collect research data. The study data was analyzed using IBM SPSS software statistics 20.0. The findings of the correlation analysis showed the relationship of peer factor $R = 0.57$ had the most powerful relationship to the appreciation of Islamic morality values and followed by mass media relations $r = 0.49$, lecturer relationship $r = 0.35$ and parent relationship $r = 0.23$. The implications of this study show that the level of moral appreciation is influenced by a positive student environment factor. This is because the appreciation of the value applied will form an individual's daily practice at the same time becoming a fortress in the problem of moral collapse.

Keywords: *Relationship, lecturer factor, parent factor, peer factor, mass media factor, Islamic value appreciation.*

1.0 PENGENALAN

Sistem pendidikan sentiasa berkait rapat dengan perkembangan sesuatu masyarakat. Ini jelas terbukti dalam sejarah Islam bahawa sistem pendidikan pada zaman Rasulullah s.a.w telah berjaya melahirkan individu yang berkeperibadian unggul sehingga mampu membangunkan peradaban manusia dengan cemerlang. Pendidikan bertindak sebagai agen perubah, pemindahan ilmu, kemahiran dan nilai-nilai dari satu generasi ke generasi yang lain (Hasan Langgulung 1997). Penyataan ini disokong oleh Zawawi Temyati, Khadijah Abdul Razak dan S. Salahudin Suyurno (2011) berpandangan bahawa pendidikan merupakan alat untuk membangunkan manusia, pembudayaan serta pembentukan akhlak yang menyeluruh merangkumi aspek spiritual, mental dan fizikal.

Pendidikan yang bersifat dinamik sedikit sebanyak memberi impak terhadap perubahan nilai-nilai yang dipegang dan diamalkan dalam sesebuah masyarakat. Walaupun begitu, konsep pendidikan mengambilkira penekanan ke atas manusia dari aspek jasmani (*al-Quran* 6:2, 30:20, 55:17), emosi (*al-Quran* 17:100, 70:18-21, 89:20), rohani (*al-Quran* 15:29, 21:91, 38:72), intelektual (*al-Quran* 6:32, 59:21, 7:201) dan sahsiah (Afzalur Rahman 1994; Haron Din 1988; Mohd Idris Jauzi 1991; Ramli Awang 2003). Golongan remaja adalah aset penting dan sumber modal insan dalam pembangunan serta kemajuan negara setanding dengan negara-negara maju lain. Visi dan misi kerajaan adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai modal insan kelas pertama yang mempunyai keperibadian yang unggul, kemahiran dan keupayaan bagi mendepani cabaran mendatang. Modal insan tersebut akan memberi sumbangan berbentuk pembangunan kepada agama dan negara. Ini adalah selaras dengan teras kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu Membangunkan Modal Insan.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penghayatan nilai akhlak Islam adalah bertujuan untuk menghasilkan insan yang seimbang dalam kehidupan dunia dan akhirat kelak. Kehidupan individu itu diibaratkan sia-sia tanpa akhlak dalam dirinya. Oleh itu, konsep penghayatan agama digambarkan sebagai menghayati agama dalam segenap aspek kehidupan secara menyeluruh mencakupi dimensi aqidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak mulia sebagai etika kehidupan.

Nilai akhlak yang mulia adalah hasil daripada aqidah yang kukuh. Al-Ghazali juga menjelaskan bahawa nilai Islam adalah sebahagian kepercayaan yang tertanam kukuh dalam diri dan dizahirkan dalam bentuk perlakuan yang baik ataupun buruk merupakan konstruk Akhlak yang mulia (Noor Azizi Ismail dan Syamsul Bahri Andi Galigo 2010). Keperibadian dan kesucian sesuatu bangsa terutamanya umat Islam dapat menggambarkan akhlak seseorang individu tersebut (Razaleigh Muhamat@Kawangit 2011).

Berdasarkan kajian Mohd Radhi Ibrahim (2013) jelas bahawa individu yang mempunyai aqidah yang betul dan kukuh akan sentiasa menjadikan akhlak Rasulullah s.a.w sebagai contoh teladan dalam segala aspek kehidupan seperti memberi salam, bersangka baik, beramal soleh dan menjaga kebersihan. Ahmad Mohamad Said (1991) dan Nor Azizah Mohd. Salleh (1994) membincangkan bahawa penghayatan terhadap Islam yang menyeluruh, penekanan yang seimbang dari segi

duniawi dan ukhrawi serta kegemilangan tamadun Islam telah tercatat dalam sejarah. Ia terbukti dalam pembangunan sumber manusia yang unggul semasa zaman Rasulullah s.a.w di Makkah dan Madinah dengan cara menerapkan aqidah yang mantap serta akhlak yang mulia dalam kehidupan (Razaleigh Muhamat@Kawangit 2011).

3.0 PENYATAAN MASALAH

Keruntuhan akhlak yang berlaku kini dalam kalangan pelajar sama ada peringkat sekolah mahupun Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengundang pelbagai spekulasi dan persoalan kepada masyarakat umum. Ruzlan Md Ali dan Rosna Awang Hashim (2003) menyatakan ia disebabkan oleh pertembungan persekitaran dan perubahan nilai masyarakat. Azizi Yahya et al. (2012) menyatakan ketidaksefahaman dalam kalangan masyarakat menjadi punca perubahan persekitaran dan budaya yang dipegang bertentangan dengan norma setempat.

Kajian-kajian lepas mendapati keruntuhan akhlak yang berlaku antaranya disebabkan pengabaikan ibu bapa dalam berperanan memberi pendidikan keagamaan di rumah (Dearena, 2010) dan (Zakaria et al., 2012). Ibu bapa tidak memberi perhatian yang secukupnya seperti nilai kasih sayang dan mengambil berat (Mohd Ismail, 2005; dan Che Hasniza & Fatimah, 2011). Ini menyebabkan pelajar terpengaruh dengan rakan sebaya (Mohd Ismail, 2005; Azhar, 2006; dan Hashim et al., 2008). Sehingga terlibat dengan penyalahgunaan dadah, lepak, seks bebas dan buli (Sapora saipon, 2010) dan (Azlina Abdullah, 2010). Akibat dari itu, meningkatnya pembuangan bayi, vandalisme, ponteng sekolah, sumbang mahram (Ku Hasnita dan Mohd Haizam, 2011) dan berpeleseran ditengah malam (Khairul Hamimah, 2008). Malah amalan solat juga tidak menjadi amalan seharian mereka (Hasna, 2012), (Seri Kartini, 2013) dan (Siti Zaleha, 2016). Budaya *hedonisme* mempengaruhi tingkahlaku pelajar, mementingkan keseronokan sehingga menjejaskan tanggungjawab seorang pelajar (Siti Raba'ah et al., 2013).

Ibu Bapa merupakan cerminan akhlak kepada pelajar, namun realitinya masih terdapat ketirisan yang memberi kesan buruk kepada pelajar. Gaya didikan ibu bapa atau *parenting style* mempunyai impak secara tidak langsung terhadap risiko keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar (Kalaitzaki & Birtchnell 2014). Selain itu kajian yang dijalankan oleh Soh Patrick & Charlton (2014) mendapati hubungan lemah ibu bapa dengan anak-anak, menyebabkan isu keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan pelajar meningkat seperti ketagihan *online gaming*. Lee & Kim (2017) mendapati kawalan ibu bapa yang minimal tidak mampu mendidik anak mereka dengan baik, malah ibu bapa tidak menekankan atau tidak mengambil perhatian terhadap anak-anak mereka menjadi faktor keruntuhan moral dan akhlak. Kajian ini menyarankan peranan ibu bapa perlu ditegaskan lagi untuk mengatasi isu keruntuhan akhlak ini.

Terdapat kajian diluar negara yang mengkaji faktor rakan sebaya, antaranya Junia (2014) golongan pelajar menjadi agresif dan tidak terkawal akhlaknya kerana pengaruh luar seperti rakan sebaya yang negatif dan lebih malang akan menjurus kepada delinkuen pada aspek membuli, aspek seksual, Muhammad Faizal dan Mohd Zaki (2014); aspek *gangsterisme*, Nik Nursyairah Nik Nordin & Mohd Nasir Selamat (2018); aspek hiburan yang berlebihan Soh Patrick & Charlton (2014); aspek penyalahgunaan dadah; Rozmi Ismail et al. (2018)

Media Massa adalah keperluan kepada manusia hari ini terutama para pelajar lantas mewujudkan perkembangan internet khususnya yang menjadi suatu agen sosialisasi baru kepada manusia. Namun, kegagalan mengawal akan menyebabkan isu ketagihan dalam media massa terutama internet lantas memberi

implikasi negatif terhadap para pelajar seperti buli siber, sexting, pornografi, kesihatan fizikal dan mental (Addictions, 2016) dan Suhaniya Kalaisilven & Mohamad Fauzi Sukimi (2019). Kajian diluar Malaysia juga mendapati golongan pelajar tidak ketinggalan dalam isu ini seperti di China, Paul Gaita (2015); Allie Conti (2015) dan Tracy (2018) mendapati media massa mampu mempegaruhi akhlak pelajar sehingga menyebabkan ketagihan terhadap media massa seperti ketagihan permainan video dalam talian yang ekksesif malah lebih buruk menyebabkan kemurungan, mencedera diri dan kematian akibat dari media massa. Kajian ini menyarankan peranan media massa perlu ditegaskan lagi untuk menangani isu keruntuhan akhlak ini.

Faktor pensyarah juga memberi kesan kepada pembentukan akhlak pelajar. Kelemahan gaya komunikasi menurut Mohd Khairuddin et al. (2014) menyebabkan pelajar mengalami tidak puas hati, tekanan psikologi, melepaskan kemarahan kepada orang sekeliling. Kajian Khairiah (2014) dan Mohd Mohd Azrai (2016) dan Nor Hayati (2017) berkaitan faktor guru sebagai penyumbang aspek nilai akhlak pelajar mendapati warga pendidik merupakan faktor yang menyumbang kearah positif. Justeru, kajian ini menyarankan peranan pensyarah untuk menangani masalah dalam isu keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenalpasti hubungan antara faktor pensyarah, ibu bapa, rakan sebaya dan media massa dengan tahap penghayatan nilai Islam dalam kalangan pelajar.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

- a) Adakah terdapat hubungan antara faktor pensyarah, ibu bapa, rakan sebaya dan media massa dengan tahap penghayatan nilai Islam dalam kalangan pelatih.

6.0 HIPOTESIS KAJIAN

- a) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pensyarah dengan tahap penghayatan nilai Islam pelatih.
- b) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ibu bapa dengan tahap penghayatan nilai Islam pelatih.
- c) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor rakan sebaya dengan tahap penghayatan nilai Islam pelatih.
- d) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor media massa dengan tahap penghayatan nilai Islam pelatih.

7.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi yang telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan Islam yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik (Cresswell, 2014). Seramai 169 orang pelajar dari kursus lesen kejuruteraan penyelenggaraan pesawat dan lesen juruteknik penyelenggaraan pesawat melalui teknik persampelan rawak mudah terlibat dalam kajian ini (Othman Talib, 2013).

Analisa inferensi menggunakan ujian kolerasi *Pearson* adalah untuk mencari nilai pekali kolerasi (r) Aras signifikan yang ditetapkan adalah 0.05. Korelasi merujuk kepada ukuran kekuatan hubungan linear di antara dua pembolehubah. Nilai julat kolerasi *Pearson* (r) adalah diantara -1.00 kepada +1.00, nilai ini menunjukkan wujudnya satu hubungan diantara kedua dua pembolehubah, manakala kolerasi $r=0$ menunjukkan tiada hubungan langsung di antara dua pembolehubah. Nilai interpretasi tahap kolerasi hubungan di antara pemboleh ubah dalam kajian ini dianggar dengan menggunakan skala kekuatan yang dicadangkan oleh James A. Rosenthal (2012) seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1.0 Interpretasi tahap korelasi hubungan

Julat Korelasi	Interpretasi
$r = .10 - .29$	Hubungan yang lemah
$r = .30 - .49$	Hubungan yang sederhana
$r = .50 - .69$	Hubungan yang kuat
$r = .70 - 1.0$	Hubungan yang sangat kuat

8.0 TINJAUAN LITERATUR

8.1 Faktor Persekitaran Sosial

Dalam kajian ini, beberapa faktor persekitaran yang dikaji untuk menentukan hubungan dengan penghayatan akhlak, diantaranya faktor ibu bapa, faktor rakan sebaya, media massa dan faktor pensyarah.

1. Ibu bapa.

Al-Nawawi (2003) berpendapat setiap kanak-kanak yang di dilahirkan itu secara fitrahnya adalah cenderung kepada kehendak-kehendak Islam, atau tauhid. Seharusnya ibu bapa tidak mengabaikan pembentukan anak-anak kearah berakhlak mulia. Kegagalan ibu bapa mendidik anak-anak akan menghakiskan nilai akhlak yang berpunca dari kurangnya asuhan, didikan agama, perhatian serta kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak (Azizi Yahaya et al. 2012).

Ibu bapa juga merupakan ejen sosialisasi yang paling penting bagi kanak-kanak sebelum mereka dipengaruhi oleh ejen sosialisasi yang lain. Walaupun sekolah merupakan satu lagi ejen sosialisasi yang kuat mempengaruhi kanak-kanak tetapi pengaruh ibu bapa mungkin lebih kuat kerana jumlah jam kanak-kanak berada di rumah adalah lebih panjang dari jumlah jam kanak-kanak berada di sekolah (Farawahida & Norazila, 2011).

2. Rakan Sebaya

Pengaruh rakan sebaya sememangnya kuat dalam perkembangan remaja. Ini kerana kebanyakan masa mereka diluahkan bersama rakan berbanding ketika bersama ibu bapa (Ruzlan Md. Ali dan Rosna Awang Hashim 2003) sehingga menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan aktiviti dan perlakuan yang didorong oleh rakan sebaya. Ulwan (1995) menghuraikan bahawa Seseorang itu bergantung kepada agama temannya, maka lihatlah siapa yang menjadi teman individu tersebut.

Rakan sebaya menjadi tempat mereka berkongsi pengalaman, minat yang sama, serta dapat memberi sokongan moral saat memerlukan. Menurut Shahizan Hassan et al. (2003); Mohd Anuar Abdul Rahman dan Norshahril Abdul Hamid (2011) yang menjelaskan bahawa interaksi antara mereka dapat memberi peluang untuk menerima perbezaan pendapat masing-masing serta dapat meningkatkan pemahaman moral. Bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w yang

diriwayatkan Bukhari dan Muslim iaitu Agama seseorang itu terletak pada kawannya, maka hati-hatilah kamu akan siapa yang kamu kawan (al-Bukhari: 1332).

3. Media massa

Suria Hani (2012) menjelaskan media memainkan peranan yang cukup besar bermula dari menambah ilmu pengetahuan, membentuk sikap, persepsi dan juga nilai kepercayaan. Ia juga membantu dalam menyesuaikan suatu tingkah laku dan nilai-nilai persekitaran sesebuah kelompok masyarakat. Ahmad Kamil et al. (2011) menyatakan paparan media yang didedahkan melalui media mudah mempengaruhi budaya dan pemikiran semua lapisan masyarakat terutamanya golongan remaja kini. Menurut Azizi Yahaya et al. (2012) menyatakan bahawa pada golongan pelajar sedang mengalami proses perkembangan dan pencarian identiti diri sehingga mereka cenderung meniru dan mencuba perkara baru berdasarkan apa yang mereka saksikan.

4. Pensyarah

Pesyarah adalah role-model (Ab Halim Tamuri dan Mohd Khairul Azman Ajuhary 2010; Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid 2010; Ab Halim Tamuri dan Noornajihan Jaafar 2012) yang dilihat sebagai faktor penting menjana kecemerlangan pendidikan negara. Lantaran itu, tugas pensyarah bukan sekadar pemindah ilmu atau mudarris, bahkan berperanan sebagai muallim, muaddib, murabbi dan mursyid sebagaimana yang dituntut agama (Ab. Halim Tamuri dan Mohd Khairul Azman Ajuhary 2010; Ahmad Tarmizi Abu Bakar dan Ab. Halim Tamuri 2013; Ab. Halim Tamuri et al., 2012). Maka, adalah diharapkan guru yang bakal mencorak generasi masa depan adalah dalam kalangan mereka yang terbina kemahiran insaniah dan tinggi jati diri hasil ibadah yang dihayati (Sumaiyah Sulaiman et al., 2012).

8.2 Penghayatan Nilai Pada Diri Pelajar

Penghayatan boleh ditafsirkan sebagai pemanduan sikap, kepercayaan, nilai-nilai, pendapat dan lain-lain ke dalam sahsiah (personaliti) seseorang (Khairul Hamimah, 2016). Ia merupakan satu bentuk pengukuran di mana penghayatan nilai atau kepercayaan merupakan pengaruh sosial yang paling kekal dan paling berakar (Asmau Imam Abdul Kabir, 2013).

Nilai-nilai akhlak Islam boleh diperolehi dan dihayati melalui pendidikan formal mahupun informal seterusnya berperanan ke arah pembentukan peribadi dan tingkah laku seseorang. Dalam membicarakan konsep nilai-nilai murni dalam Islam (Abdul Hamid, 2016). Khairul Hamimah (2018) merumuskan bahawa akhlak seseorang individu terbina daripada nilai-nilai akhlak seperti yang digariskan dalam al-Quran. Beliau juga mengkatégorikan nilai akhlak kepada lima iaitu akhlak peribadi, akhlak kekeluargaan, akhlak kemasyarakatan, akhlak kenegaraan dan akhlak keagamaan.

Mohd Radhi (2013) menegaskan bahawa aqidah dan syariah merupakan gambaran atau kesan daripada akhlak seseorang. Ilmu agama yang mengandungi ajaran aqidah, syariah dan akhlak berupaya memberi panduan untuk kehidupan individu, masyarakat dan negara. Selari dengan anjakan Pelan Pembangunan pendidikan 2013-2025 yang menekankan aspek penghayatan nilai agama.

Penerapan nilai merupakan suatu proses menerapkan nilai murni masyarakat Malaysia dalam pengajaran dan pembelajaran berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000). Kepentingan penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar dalam pendidikan adalah supaya mampu mengembangkan daya kepimpinan dan keyakinan diri, tahu menghargai hak dan kebolehan orang lain, mempunyai semangat kerjasama dan bertoleransi

serta membina sikap dan perilaku yang baik berpandukan nilai-nilai kemanusiaan dan kerohanian yang diterima dan dihargai oleh segenap lapisan masyarakat Triyo Supriyatno dan Wan Mamat (2019). Ia boleh diterapkan melalui disiplin, simulasi, model, kuliah, pengukuhan positif atau negatif berdasarkan tingkah laku dan persekitaran yang sesuai boleh membentuk tingkah laku seseorang individu (Azura Awang, 2017). Oleh sebab itu, pelajar digalakkan untuk mengamalkan nilai-nilai murni sebagai usaha dalam membentuk kualiti warganegara yang baik serta prihatin terhadap pembinaan jati diri seseorang pelajar.

8.3 Teori Penghayatan Nilai Akhlak

Al-Attas (1977) menyatakan konsep pendidikan Islam berkaitan dengan konsep ta'dib, iaitu cara menurunkan adab kepada insan melalui proses penitisan ilmu. Tambahan itu, M. Abdul Qasem (1988) menyatakan al-Ghazali berpandangan bahawa tujuan mempelajari nilai dan etika adalah dalam rangka untuk meningkatkan sikap dan perilaku (akhlak) dalam kehidupan sehari-hari.

Selain itu, al-Ghazali (1998) menekankan konsep kefahaman ilmu dan amal diterjemahkan dalam perkataan dan perbuatan sesuai dengan kehendak syarak. Dalam kajian ini melihat penghayatan nilai islam yang difahami dan diamalkan berdasarkan dari faktor-faktor persekitaran yang boleh mendorong untuk menjadi mukmin yang sejati. Para pelajar mestilah menuntut ilmu agar mendekat diri kepada Allah SWT.

Bronfenbrenner (1986) menyatakan fungsi perkembangan manusia mempunyai perkaitan antara manusia dan persekitaran iaitu berlakunya interaksi secara perlahan-lahan dan berterusan antara individu dengan persekitaran. Teori ini melihat persekitaran ekologi manusia berdasarkan hubungannya dengan konteks individu itu berinteraksi. Beliau membahagikan persekitaran ekologi tersebut kepada lima sistem, iaitu sistem mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Mikrosistem melibatkan persekitaran yang terdekat, seperti kanak-kanak mempunyai interaksi secara langsung dan menghabiskan paling banyak masa.

9.0 DAPATAN KAJIAN

9.1 Hubungan antara Pensyarah dengan Tahap Penghayatan Nilai Akhlak Islam Pelajar

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pensyarah dengan tahap penghayatan nilai akhlak pelajar.

Jadual 2.0 Hubungan Antara Pensyarah Dengan Tahap Penghayatan Nilai Akhlak Responden

Pemboleh ubah	N	r	Sig (2-tailed)	Intepretasi
Faktor pensyarah * tahap penghayatan akhlak	169	0.35	0.000	Sederhana

**Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$

Analisis kolerasi Pearson secara keseluruhan menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana ($r = 0.35$, $p < 0.01$) antara pengaruh pensyarah dengan tahap penghayatan nilai akhlak responden. Ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pengaruh pensyarah dengan tahap penghayatan nilai-nilai akhlak Islam responden. Oleh itu Ho1 adalah ditolak.

9.2 Hubungan antara Ibu Bapa dengan Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Akhlak Islam Pelajar.

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ibu bapa dengan tahap penghayatan nilai-nilai akhlak pelajar.

Jadual 3.0 Hubungan Antara Ibu Bapa Dengan Tahap Penghayatan Nilai Akhlak Responden

Pemboleh ubah	N	r	Sig (2-tailed)	Intepretasi
Faktor ibu bapa * tahap penghayatan akhlak	169	0.23	0.000	Lemah
**Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$				

Analisis kolerasi Pearson secara keseluruhan menunjukkan terdapat hubungan yang lemah ($r = 0.239$, $p < 0.01$) antara pengaruh ibu bapa dengan tahap penghayatan nilai akhlak responden. Ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pengaruh ibu bapa dengan tahap penghayatan nilai-nilai akhlak Islam responden. Oleh itu Ho2 adalah ditolak.

9.3 Hubungan antara Rakan Sebaya dengan Tahap Penghayatan Nilai Akhlak Pelajar

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor rakan sebaya dengan tahap penghayatan nilai akhlak pelajar.

Jadual 4.0 Hubungan Antara Rakan Sebaya Dengan Tahap Penghayatan Nilai Akhlak Responden

Pemboleh ubah	N	r	Sig (2-tailed)	Intepretasi
Faktor rakan sebaya * tahap penghayatan akhlak	169	0.57	0.000	Kuat
**Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$				

Analisis kolerasi Pearson secara keseluruhan menunjukkan terdapat hubungan yang kuat ($r = 0.577$, $p < 0.01$) antara faktor rakan sebaya dengan tahap penghayatan nilai akhlak responden. Ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pengaruh rakan sebaya dengan tahap penghayatan nilai-nilai akhlak Islam responden. Oleh itu Ho3 adalah ditolak.

9.4 Hubungan antara faktor Media Massa dengan Tahap Penghayatan Nilai Akhlak pelajar.

Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor media massa dengan tahap penghayatan nilai akhlak pelajar.

Jadual 5.0 Hubungan Antara Media Massa Dengan Tahap Penghayatan Nilai Akhlak Responden

Pemboleh ubah	N	r	Sig (2-tailed)	Intepretasi
Faktor media massa * tahap penghayatan akhlak	169	0.49	0.000	Sederhana
**Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$				

Analisis Kolerasi Pearson secara keseluruhan menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana ($r = 0.494$, $p < 0.01$) antara pengaruh media massa dengan tahap penghayatan nilai-nilai akhlak Islam responden. Ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pengaruh media massa dengan tahap penghayatan nilai-nilai akhlak Islam responden. Oleh itu Ho4 adalah ditolak.

10.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis korelasi pearson, dapat dirumuskan bahawa faktor persekitaran mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penghayatan nilai akhlak dalam kalangan pelajar. Hasil dapatan analisis ujian kolerasi Pearson, pemboleh ubah bebas bagi konstruk rakan sebaya adalah sebanyak $r = 0.57$, media massa dengan

$r=0.49$ merupakan pemboleh ubah bebas kedua terbesar kepada tahap penghayatan nilai-nilai akhlak Islam. Selain itu, pensyarah juga memberi kekuatan hubungan sebanyak $r = 0.35$ manakala faktor ibu bapa adalah berada pada tahap paling rendah iaitu $r = 0.23$

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa rakan sebaya mempunyai kekuatan hubungan yang positif kuat dengan tahap penghayatan nilai akhlak dalam kalangan pelajar berbanding faktor yang lain iaitu sebanyak $r = 0.57$. Dapatan ini mengukuhkan kajian yang telah dilakukan Rozimah Baharudin dan Rahimah Ibrahim (2008) hubungan yang baik dan harmoni dalam kalangan remaja menyumbang kepada perkembangan yang positif. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan dengan kajian yang dilakukan Junia (2014); Muhammad Faizal dan Mohd Zaki (2014); Nik Nursyairah Nik Nordin & Mohd Nasir Selamat (2018); Soh Patrick & Charlton (2014); Rozmi Ismail et al. (2018). Rakan sebaya cenderung untuk saling memberi sokongan dan sanggup menghabiskan waktu bersama dalam melakukan sebarang aktiviti atau keseronokan. Pelajar dalam usia remaja terutamanya akan memilih rakan mengikut persamaan mereka berdasarkan minat, aktiviti yang disukai dan pengaruh sosial yang dimiliki.

Hasil kajian menunjukkan bahawa media massa juga turut terdapat hubungan yang signifikan pada tahap positif sederhana dengan penghayatan nilai-nilai akhlak Islam pelajar sebanyak $r = 0.49$. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Marina Munira Mutalib et al. (2011) yang menyokong bahawa media massa sangat berpengaruh terhadap pembentukan pemikiran masyarakat kearah yang positif. Manakala (Addictions, 2016); Suhaniya Kalaisilven & Mohamad Fauzi Sukimi (2019); Paul Gaita (2015); Allie Conti (2015) dan Tracy (2018) memberi kesan yang negatif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar mampu menjaga etika dan akhlak ketika sendirian melayari media massa dan mereka yakin bahawa Allah SWT sentiasa memerhati tingkah laku, seperti mana hadith baginda SAW bab iman, benteng keimanan menjadi perisai diri walaupun dalam keadaan tidak ada manusia yang memerhatikan, merasai diri sentiasa diperhatikan oleh Allah SWT. (al-Hajjaj, 2000, no.9).

Hubungan Ibu bapa berada pada tahap positif lemah $r=0.23$, faktor ibu bapa dengan tahap penghayatan nilai-nilai akhlak Islam responden. Berbeza dengan kajian Kalaitzaki & Birtchnell (2014); Soh Patrick & Charlton (2014); Lee & Kim (2017). Namun, beberapa aspek perlu dibaiki agar sistem kekeluargaan menjadi harmoni seperti yang diharapkan oleh al-Ghazali (1998) dalam beramanah dalam mendidik anak-anak. Maka sewajarnya ibu bapa perlu meningkatkan ilmu keibubapaan berteraskan kebahagiaan yang digariskan oleh Islam dengan mengenali Allah, dan menjadi *wasilah* untuk melahirkan akhlak yang mulia untuk dicontohi kepada anak-anak mereka. Sekiranya ibu bapa tidak mendidik dan mengawasi anak-anak tingkah laku pelajar akan mudah lebih tercetus kerana kurang kasih sayang dan kawalan dari ibu bapa.

Hubungan pensyarah berada pada tahap positif sederhana $r=0.35$, namun perlu digilapkan selaras dengan saranan al-Ghazali (1998) seseorang pendidik perlu ada ciri kasih sayang, ikhlas, nasihat, berhikmah. Bahkan kajian Sofiah Mohamed et al. (2016) juga menyarankan agar nilai kasih sayang seperti mengenali pelajar, sentiasa tersenyum, simpati, penghargaan dan adab, merupakan aspek yang utama perlu ada dalam diri pensyarah untuk memandu para pelajar ke arah kebaikan.

11.0 PENUTUP

Kesimpulannya, Hubungan faktor persekitaran terhadap penghayatan nilai akhlak dalam kalangan pelatih dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Ibu bapa perlu

memperbaiki cara berkomunikasi dan perhubungan bersama anak-anak dengan mengambil berat akan keperluan dan kehendak mereka. Ini memberi kesan kepada tahap keyakinan dan penghargaan sendiri sekaligus mempengaruhi perkembangan mental dan membina sahsiah diri anak-anak. Ibu bapa juga perlu lebih prihatin dan mengawasi pergaulan anak-anak ketika bersama rakan sebaya serta peka akan pengaruh ataupun anasir-anasir barat yang sukar dibendung kini. Pensyarah perlu menjadi role-model yang terbaik agar menjadi teladan dan ikutan para mahasiswa serta menanam nilai-nilai murni dalam diri mereka semasa ataupun di luar waktu pengajaran dan pembelajaran selaras dengan matlamat kolej untuk melahirkan generasi cemerlang dan membentuk modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai akhlak. Manakala faktor media massa dan rakan sebaya perlu diawasi untuk menjaga kepentingan nilai akhlak para pelajar.

Sehubungan dengan itu, usaha-usaha seperti, kempen kesedaran, pengajaran yang berkesan, didikan yang mendidik oleh pihak yang berwajib seperti warga pendidik, para ibu bapa Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia boleh mengawal para pelajar untuk menangani masalah sosial yang boleh meruntuhkan nilai akhlak pelajar. Didikan ini untuk mengangkat martabat pelajar yang berilmu dan sahsiah terpuji.

12.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohd Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (1).
- Ab. Halim Tamuri & Noornajihan Jaafar. (2012). Hubungan antara Efikasi Kendiri dengan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5(1): Hlmn 41-60.
- Abdullah Basmeih. (2012). *Al-Quran Al-Karim: Mushaf Tajwid Beserta Terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia dan Terjemahan Per-Kata*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1995). *Pendidikan Kanak-Kanak dalam Islam*. Trans. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Addiction.com. Types of internet addiction disorders. [Addiction.com.http://www.addictions.com/internet](http://www.addictions.com/internet). Tarikh capaian: 24 jun 2021
- Afzalur Rahman. (1994). *Indeks Al-Quran*. Terj. Yusof Ismail. Kuala Lumpur: A.S Nordeen.
- Ahmad Kamil Jamilin, Mohd Fauzi Mohd Amin & Mohd Shamsul Hakim. (2011). *Matlamat dan Prinsip Media Islam*. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle. (pnyt) *Representasi Islam dalam Media*. Hlmn 13-26. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Ahmad Mohamad Said (1991). *Dualisme dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ahmad Tarmizi Abu Bakar & Ab. Halim Tamuri. (2013). Guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai Pendidik dan Daie Sepanjang Zaman: Satu Analisis. *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam (SePPIM'13)*. Hlmn 371-385. Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1977). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-ghazali, abu hamid muhammad. (1998). *Ihya' ulum al- din*, j.5. Kaherah: maktabah misr.
- Allie conti. (2015). Gamers are dying in taiwan's internet cafes. *Vice*. 21 jan. https://www.vice.com/en_us/article/znwdmj/gamers-are-dying-intaiwansinternet-cafes-456. Tarikh capaian: 24 jun 2021.

- Asmau imam abdul kabir. (2013). The qur'anic approach to the inculcation of moral values: patterns for teacher education. *Quranika, international journal of quranic research*5(2): 15-32.
- Azhar, A. (2006). "Strategi Pembelajaran Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak". Tesis Ph.D UKM Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, Jamaludin Ramli & Nurul Ezzati Azizi. (2012). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja Punca dan Rawatan*. Penerbit Johor: UTM Press.
- Azlina Abdullah. (2010). Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial pada Dekad Pertama Abad 21 di Malaysia. *Akademika* 78. Hlmn 3-14.
- Azura awang. (2017). Sokongan sosial kepada remaja bermasalah pembelajaran dalam pengamalan nilai-nilai islam. Dlm. *Vaksinasi ummah menerusi jalan dakwah disunting oleh nor raudah hj siren*. Kuala Lumpur, malaysia: akademi pengajian islam, universiti malaya
- Bakar, a. A. A., & hamzah, m. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial (factors influencing teens with social problems). *Jurnal hadhari: an international journal*, 11(1), 1-17.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of The Family as A Context for Human Development: Research Perspectives. *Development Psychology*. 22: 723-742.
- Che Hasniza, C.N. & Y. Fatimah. (2011). "Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu" dalam *Jurnal Hadhari*, 3(2), ms.45-62.
- Farawahida Mohd Yusof & Norazila Sugiman. (2011). Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks. *Journal of Education Psychology & Counseling*.
- Hamid, a. (2016). Metode internalisasi nilai-nilai akhlak dalam pembelajaran pendidikan agama islam di smp negeri 17 kota palu. *Ta'lim*, 14(2).
- Haron Din. (1988). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Hasan Langgulung. (1987). *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, B. et al. (2008). "Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran". Kertas Kerja dibenteng dalam Seminar Kaunseling Keluarga, Johor Bahru, Malaysia, 30 Ogos.
- Hasna Bidin. (2016). Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Tesis Sarjana Falsafah Fakulti Tamadun Islam. Univrsiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, r., ahmad, n. A., ibrahim, f., & nen, s. (2017). Pengaruh faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja (the influence of individual, familial and social environmental factors towards substance abuse behavior among adolescents). *Akademika*, 87(1).
- Jodi, k. H. M. (2018). Nilai-nilai islam dalam program pemulihan dan rawatan dadah di pengasih. *Islāmiyyāt*, 40(2), 141-149.
- Kalaisilven, s., & sukimi, f. (2019). Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial (parental control over children in the use of social media). *Akademika*, 89(1).
- Kalaitzaki, a. E., and birtchnell, j. (2014). The impact of early parenting bonding on young adults' internet addiction, through the mediation effects of negative relating to others and sadness. *Addictive behaviors* 39 (3): 733-36. <https://doi.org/10.1016/j.addbeh.2013.12.002>.
- Kamaruding, m., abdull rahman, s. H., mohd dzulkifli, s. N., & abdul rani @ ibrahim, r. (2021). [islamic values for project management actors in the construction industry: a preliminary study] nilai-nilai islam untuk pelaku pengurusan projek di

- industri pembinaan: suatu tinjauan awal. *Malaysian journal of islamic studies (mjis)*, 5(1), 13-26. <https://doi.org/10.37231/mjis.2021.5.1.163>
- Khairiah Bte Sulaiman. (2014). Amalan-amalan islam dan kesannya terhadap pelajar aliran agama: kajian di Sekolah Menengah Agama. *Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda, Open University Malaysia*.
- Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi. (2008). Pemahaman Akidah Di Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta Dan Kesannya Terhadap Masalah Akhlak: Suatu Kajian.Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah & Kesejahteraan Sosial 2008 pada 18-19 Ogos 2008, Melaka.
- Khairul hamimah mohammad jodi. (2016). Persepsi keberkesanan penerapan nilai-nilai islam dalam program pembangunan wanita bermasalah dlm. Penyelidikan semasa dalam pengajian islam disunting oleh mohd yakub @ zulkifli mohd yusoff. Kuala Lumpur: akademi pengajian islam, universiti malaya
- Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd Nor. (2011). Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Warganegara Malaysia. *Jati*, 16: 23-34
- Lee, c. And kim, o. (2017). Predictors of online game addiction among korean adolescents. *Addiction research and theory* 25 (1): 58–66. <https://doi.org/10.1080/16066359.2016.1198474>
- Mohamed, s., jasmi, k. A., & zailaini, m. A. (2016). Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam (teacher's good behaviour in teaching and learning the islamic education). *Akademika*, 86(2).
- Mohammad faizal mohammad dan mohd zaki ishak. (2014). Gejala hubungan seks dalam kalangan pelajar: satu kajian kes. Tesis sarjana muda. Fakulti psikologi dan pendidikan. Universiti malaysia sabah.
- Mohd Anuar Abdul Rahman & Norshahril Abdul Hamid. (2011). Kesan Persekitaran terhadap Pembangunan Emosi Pelajar di Fakulti Pendidikan, UTM. *Journal of Education Psychology & Counseling*.
- Mohd Idris Jauzi. (1991). Konsep Insan dan Kepentingannya dalam Amalan Pendidikan. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. 2(1): 22-27.
- Mohd Ismail, M. (2005). *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Mohd khairuddin abdullah, khalid hj johari, ag yusof ag chuchu dan halimah laji. (2014). Komunikasi guru dalam bilik darjah dan tingkah laku delinkuen murid sekolah menengah. *Jurnal pemikir pendidikan vol 5*. Universiti malaysia sabah. Jabatan pendidikan sabah.
- Mohd Mohd Azrai bin Mohd Salleh. (2016). Persepsi pengetahuan dan amalan solat serta hubungannya dengan pencapaian dalam Pendidikan Islam. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Radhi Ibrahim. (2013). *Pengurusan Aqidah dalam Kehidupan Muslim*. Penerbit USIM. Negeri Sembilan.
- Noor Azizi Ismail & Syamsul Bahri Andi Galigo. (2010). *Pendidikan Kanak-Kanak dalam Islam*. Penerbit USIM. Negeri Sembilan.
- Nor Azizah Mohd. Salleh. (1994). *Kajian Perbandingan Pendidikan Dewasa Barat dan Pendidikan Dewasa Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hayati Bt Ab. Ghani @ Rani. (2017). Pengetahuan tentang solat, amalan solat fardhu dan penghayatan akhlak dalam kalangan murid tingkatan empat daerah Batang Padang, Perak. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin, n. N. N., & selamat, m. N. (2018). Tingkah laku delinkuen pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. *Jurnal wacana sarjana*, 2(1).
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Paul gaita. (2015). Chinese teen cuts off hand to cure internet addiction. The fix. 2 april. <https://www.thefix.com/content/chinese-teen-cuts-hand-cureinternet-addiction>. Tarikh capaian: 24 jun 2021.
- Ramli Awang. (2003). Falsafah Sains dan Teknologi. Bentong: PTS Publication and Distributors.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit. (2011). Pengurusan Modal Insan dari Perspektif Islam. Kuala Lumpur: BanterFX Sdn. Bhd.
- Ruzlan Md. Ali & Rosna Awang Hashim. (2003). Kanak-Kanak, Remaja dan Sosioemosi: Satu Sorotan Ringkas. Dlm Perkembangan Sosioemosi Remaja: Tanggungjawab Bersama. Sintok: Jabatan Penerbitan dan Teknologi Media Universiti Utara Malaysia.
- Sahih muslim. In the oxford dictionary of islam. edited by john I. Esposito. Oxford islamic studies online, <http://www.oxfordislamicstudies.com/article/opr/t125/e2057> (accessed jun 23, 2021).
- Sapora Sipon. (2010). Gejala Sosial di Kalangan Pelajar dan Keperluan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham. (2013). Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Islamiyyat* 35(1.)
- Shahizan Hassan, Tsai Chen Chien & Saw Hooi Chin. (2003). Intrapersonal dan Interpersonal untuk Remaja. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turima Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam. (2012). The Influences of Sociological Factors Towards Hedonistic Behavior Among Malaysian Youth. Graduate Research in Education Seminar GREDEC2012. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Zaleha. (2014). Gaya Hidup remaja dan hubungannya dengan pengamalan Islam di bandar baru permas jaya, johor bahru. Tesis sarjana. Universiti kebangsaan malaysia.
- Soh. Patrick chin-hooi., charlton. John p., chew. Kokwai. The infuence of parental and peer attachment on internet usage motives and addiction. First monday. university of illinois. [Http://journals.uic.edu/ojs/index.php/fm/article/view/5099](http://journals.uic.edu/ojs/index.php/fm/article/view/5099). Doi:<https://doi.org/10.5210/fm.v19i7.5099>. Tarikh capaian: 24 jun 2021
- Su, c., & zakiah, n. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: satu analisis kualitatif. *Jurnal komunikasi: malaysian journal of communication*, 30.
- Sumaiyah Sulaiman, Rahaila Omar, Mahawa Pilus & Abd Rashid Zainal. (2012). Kefahaman, Pelaksanaan dan Penghayatan Solat Bakal Guru. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam. Seremban.
- Supriyatno, t., & mamat, w. (2019). Amalan akhlak kepala sekolahdasar islam di malang melalui muraqabah, muhasabah dan mujahadah. *Progresiva: jurnal pemikiran dan pendidikan islam*, 8(1), 12-24.
- Suria Hani A. Rahman. (2012). Islamic and Cultural Identity in Media. Dlm Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu. Bangi: Penerbit UKM.
- Tracy you. (2018). Gamer is paralysed from the waist down following a nonstop 20-hour interne cafe binge. Mail online. 31 jan. [Http://www.dailymail.co.uk/news/article-5335353/gamer-paralysed-waist-20-hour-binge.html](http://www.dailymail.co.uk/news/article-5335353/gamer-paralysed-waist-20-hour-binge.html). Tarikhcapaian: 24 jun 2021.
- Zawawi Temyati, Khadijah Abdul Razak & S. Salahudin Suyurno. (2011). Falsafah Pendidikan Islam Melahirkan Insan Berakhlak. Proceedings of 2nd International Conference on Islamic Education 2011 (ICIEd 2011). Selangor: Association of Malaysian Muslim Intellectuals.